

Surat khabar: Utusan Malaysia/ Hello Kampus

Hari/Tarikh: 21/03/2012

Muka surat: Rabu

Tajuk : Ekspo R & D UNIMAS 21-22 Mac

## **Ekspo R&D Unimas 21-22 Mac**

SAMARAHAN 20 Mac - Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) akan menganjurkan Ekspo Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) bertempat di kampusnya di sini, selama dua hari bermula esok.

Menurut kenyataan akhbar Unit Komunikasi Korporat Unimas, ekspo edisi kelima itu bertemakan *Progressing With Research, Innovation and Commercialisation Through Academia and Industry Linkages*.

Katanya, ekspo itu dianjurkan bertujuan memperkenalkan produk yang dibangunkan oleh warga Unimas kepada pihak industri di samping memilih produk terbaik bagi mewakili Unimas untuk diketengahkan ke peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

"Ekspo ini dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu Kluster Sains Tulen, Kluster Teknologi dan Kejuruteraan serta Kluster Sains Sosial dan Kemanusiaan.

"Antara yang bakal dipamerkan adalah pelbagai produk yang dihasilkan daripada material kitar semula, kejuruteraan alam sekitar, teknologi robotik, teknologi maklumat dan komunikasi serta perubatan," kata kenyataan itu baru-baru ini.